

Membangkitkan kesedaran Muslim

Konvensyen Ilmu dan Amal untuk bangkitkan kesedaran ummah

PELBAGAI asakan dan cabaran kepada Muslim seperti isu Islamofobia, penyebaran ajaran Syiah dan pergolakan telah memberi kesan kepada kesucian agama Islam.

Tidak salah jika dikatakan bahawa kelemahan umat Islam dalam aspek ekonomi dan politik menyebabkan musuh mudah mengambil kesempatan bagi menimbulkan persepsi negatif.

Justeru, bagi merungkai permasalahan tersebut, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di peringkat global, Mercy Mission Malaysia yang bertapak di United Kingdom dengan

peristiwa

Oleh **SITI AISHAH YUSOFF**
agama@utusan.com.my



kerjasama K-Fiqh Sdn. Bhd., bakal menganjurkan Konvensyen Ilmu dan Amal 2015 pada 26 hingga 27 Disember bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Merupakan kali kelima penganjurannya di Malaysia, konvensyen kali ini akan membawakan tema

MOHD. NURHISYAM SHAMSIR

'kebangkitan' bagi mencari penyelesaian terhadap isu-isu semasa yang berlaku dalam dunia Islam.

Penolong Pengurus Mercy Mission Malaysia, Mohd. Nurhisyam Shamsir berkata, objektif konvensyen adalah untuk memberi inspirasi kepada masyarakat di negara ini khususnya supaya mereka kembali sedar dengan situasi yang berlaku pada negara Islam ketika ini.

"Orang Islam semakin lemah. Mereka perlu disuntik agar bangun dan tersedar realiti yang berlaku negara-negara Islam seperti di Pakistan, Kanada dan Syria.

"Ini juga platform untuk memberi kesedaran kepada mereka terhadap peranan yang perlu digalas untuk menghadapi cabaran sekali gus berganding bahu menyelesaikannya.

"Maksud jihad juga perlu diperbetulkan kembali kepada masyarakat. Maksud jihad bukannya perlu berperang dengan mengangkat senjata tetapi jihad dengan kesedaran untuk melaksanakan peranan masing-masing," katanya.

Antara topik-topik menarik yang bakal dibincangkan seperti amalan-amalan dalam Islam dan etika dalam perubatan serta kewangan Islam.

Tambah Mohd. Noorhisyam, kelainan yang ditawarkan dalam konvensyen kali ini adalah jemputan penceramah dari dalam negara yang akan menyampaikan ilmu dalam Bahasa Melayu, setelah

sebelum ini menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium perantaraan.

"Dengan adanya pembaharuan ini diharap konvensyen kali ini mendapat sambutan menggalakkan daripada semua lapisan masyarakat sama ada dalam kalangan penganut Islam dan bukan Islam.

"Pada tahun ini sasaran peserta yang terlibat melebihi jumlah pada tahun lepas iaitu seramai 5,000," jelasnya.

Pakar dan ilmuan dari luar negara yang bakal hadir seperti Imam Masjid al-Haram, Sheikh Abdul Rahman al-Qasim; Pendakwah Antarabangsa, Bilal Asad; Pengerusi Mercy Mission World, Tawfiq Chowdhury dan Tenaga Pengajar Institut Al-Khauthar, Yahya Ibrahim.

Turut terlibat Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri; Pensyarah Kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr. Zaharuddin Abd. Rahman; Pensyarah Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Sukki Othaman dan Pensyarah UIAM, Abdullah Bukhari Abdul Rahim al-Hafiz.

Mereka yang berminat untuk menyertainya boleh membeli tiket pendaftaran berharga RM227 dengan menghubungi 603-6151 5952. Sebarang maklumat program boleh layari www.twinsoffaith.com/malaysia atau akaun Facebook [TwinsOfFaithMalaysia](https://www.facebook.com/TwinsOfFaithMalaysia) atau Twitter [TOF Malaysia](https://twitter.com/TOF_Malaysia).

